

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN RUSNAH BT. ALUAI
[TANGGA BATU]

SOALAN : 397

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah terkini permohonan untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan mengikut kumpulan etnik dan apakah pendekatan atau mekanisme Kerajaan untuk menyelesaikan isu individu tanpa kerakyatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tahun 2013 hingga 15 Februari 2019, sebanyak 101,919 permohonan kewarganegaraan telah diterima. Perincian jumlah permohonan tertinggi mengikut tiga (3) kumpulan etnik pemohon adalah seperti berikut:-

- (i) Indonesia: 38,144 orang;
- (ii) Filipino: 11,594 orang; dan
- (iii) Cina: 9,351 orang.

Bagi individu warga asing, mereka boleh mengemukakan permohonan untuk memperoleh kewarganegaraan Malaysia sama ada melalui pendaftaran atau penaturalisasian, jika telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Berhubung dengan pendekatan atau mekanisme Kementerian untuk menyelesaikan isu individu tanpa kerakyatan, Kementerian sedang dalam peringkat akhir pengemaskinian *Standard Operating Procedure* (SOP) Permohonan Kewarganegaraan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertimbangan permohonan adalah berdasarkan kepada SOP yang telah mengambil kira aspek kemanusiaan serta diperincikan daripada

peruntukan Perlembagaan Persekutuan seperti mana berikut:-

1. Memenuhi tempoh kemastautinan yang dikira daripada pegangan kad pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR);
2. Mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu yang diukur melalui tiga (3) komponen Ujian Pengetahuan Bahasa Melayu (UPBM) iaitu lisan, membaca dan menulis; dan
3. Berkelakuan baik yang dinilai melalui Tapisan Keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Kementerian juga sedang melaksanakan tindakan segera terhadap semua permohonan kewarganegaraan secara berperingkat. Setiap permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh Kementerian akan diproses dengan teliti dalam memastikan setiap permohonan berkenaan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan. Selain daripada itu, Kementerian melalui JPN sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan urusan pendaftaran dokumen pengenalan diri individu yang berkelayakan dapat dilaksanakan dengan mudah di seluruh negara termasuk di kawasan luar bandar melalui **inisiatif berterusan seperti mana berikut:-**

- (i) Perkhidmatan menerusi Program Turun Padang (Program *Outreach*);
- (ii) Perkhidmatan melalui Unit *Mobile*; dan
- (iii) Perkhidmatan melalui Bas *Mobile*.